

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(11)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 12 TAHUN 2016**

Tarikh	:	23 Disember 2016 (Jumaat)
Masa	:	9.00 pagi hingga 10.40 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Ibu pejabat, Majlis Perbandaran Subang Jaya
Kehadiran	:	Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 12/2016 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

2.1 PROGRAM HIMPUNAN ANAK SENTRAL

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Himpunan Anak Sentral**. Program ini merupakan kerjasama antara Pengerak Belia Tempatan (PeBT) MPSJ, Kelab Belia Anak Puchong Bersatu (KBAP), Pertubuhan Motorsikal Retro Malaysia (RMB), Ibupejabat Polis Subang Jaya,

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Subang Jaya,
Kementerian Belia dan Sukan dan Pusat Darah Negara.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **31 Disember 2016 dan 1 Januari 2017**
(Sabtu & Ahad)
Masa : **2.00 petang – 12.00 tengah malam**
8.00 pagi – 4.00 petang
Tempat : **Jalan BP 4/4, Bandar Bukit Puchong**

Program ini bertujuan untuk menerapkan kesedaran keselamatan jalanraya kepada golongan belia khususnya '*mat rempit*'. Pengisian program ini melibatkan aktiviti perhimpunan pemilik motorsikal pelbagai model iaitu klasik, retro dan moden, cabutan bertuah, pameran kerjaya dan keusahawanan dan kempen derma darah.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.2 PROGRAM SAMBUTAN KE – 20 TAHUN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah merancang beberapa program bersempena **Sambutan Ulang Tahun MPSJ ke – 20** pada tahun 2017. Sehubungan itu, antara program yang akan dilaksanakan sepanjang bulan **Januari** adalah seperti berikut:

2.2.1 Program Bacaan Yasin dan Doa Selamat Bersempena Ulang Tahun MPSJ ke – 20 Bersama Masyarakat

Program ini merupakan kolaborasi bersama Masjid Al-Ehsan, Bandar Kinrara, Puchong. Program ini akan diadakan pada **5 Januari 2017 (Khamis) bermula 6.30 petang hingga 10.30 malam bertempat di Masjid Al-Ehsan, Jalan BK 5/1 Bandar Kinrara 5, Puchong, Selangor.**

Antara aktiviti yang akan dijalankan adalah tazkirah khas, bacaan yasin dan doa selamat bagi memberkati Sambutan Ulang Tahun MPSJ Ke-20.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

2.2.2 Program Mimbar Madani Perdana

Program ini akan diadakan pada **10 Januari 2017 (Selasa) bermula 8.00 pagi – 11.00 pagi bertempat di Laman Kenanga, Aras 1, Bangunan MPSJ.**

Pengisian program ini ialah persembahan Dikir Zikir, bacaan yasin dan doa selamat serta ceramah khas dari penceramah jemputan iaitu Imam Muda Muhammad Asyraf bin Mohd Ridzuan.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

2.2.3 Majlis Perasmian Ulang Tahun MPSJ ke – 20

Majlis Perasmian Ulang Tahun MPSJ Ke-20 akan diadakan pada **17 Januari 2017 (Selasa) bermula jam 9.30 pagi - 12.45 tengah hari bertempat di Laman Kenanga, Aras 1, Bangunan MPSJ.** Majlis ini

akan dirasmikan oleh **Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor.**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program perasmian ini.

2.3 KARNIVAL SUKAN TAMAN SRI PUCHONG

Sukacita dimaklumkan bahawa, Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Karnival Sukan Taman Sri Puchong.** Penganjuran karnival ini adalah bersempena dengan perasmian padang bolasepak MPSJ Taman Sri Puchong yang baru dinaik taraf dan sambutan Ulang Tahun ke – 20 MPSJ.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 21 Januari 2017 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi – 6.00 petang
**Tempat : Padang Bolasepak MPSJ
Taman Sri Puchong**

Objektif utama program ini ialah untuk mempromosikan kemudahan sukan yang disediakan oleh pihak Majlis kepada masyarakat setempat untuk aktiviti riadah dan sukan. Disamping itu juga, karnival ini dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam acara sukan yang dipertandingkan.

Kejohanan ini terbuka kepada semua pasukan dan belia-belia di sekitar kawasan Puchong dan seluruh kawasan pentadbiran MPSJ. Tiada yuran penyertaan dikenakan. Acara sukan yang akan dipertandingkan adalah bolasepak, futsal, bola jaring, tarik tali, karom, congkak, dam aji dan sukan rakyat.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan karnival sukan ini.

2.4 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 50, MPSJ terus mencatatkan penurunan kes demam denggi kepada 66 kes berbanding 161 kes pada minggu epid yang sama pada tahun lalu. Jumlah keseluruhan kes positif pada tahun ini adalah 8,430 iaitu menurun sebanyak 17% berbanding dengan jumlah kes tahun lalu iaitu 10,195 kes pada minggu epid yang sama.

Lokaliti hotspot demam denggi pada minggu epid ke 50 adalah 2 iaitu seperti berikut:

BIL	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	1
2.	Seri Serdang	1
3.	Seri Kembangan	0
4.	Kinrara	0
JUMLAH		2

2.5 PERTANDINGAN KEBUN KOMUNITI PERINGKAT LEMBAH KLANG DAN JUGA LAWATAN KE MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE & AGROTOURISM (MAHA 2016)

Pertandingan Kebun Komuniti Peringkat Lembah Klang ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia bersempena MAHA 2016 yang diadakan pada 1 sehingga 11 Disember 2016 di MAEPS, Serdang. Pihak MPSJ melalui Jabatan Landskap telah menghantar 7 penyertaan. Hasil daripada saringan yang dilakukan

hanya 3 Kebun Komuniti telah di senarai pendek untuk menjadi 12 Kebun Komuniti terbaik peringkat akhir iaitu Kebun Komuniti Apartment Garnet, Puchong Perdana, Kebun Komuniti USJ 6/6M, Subang Jaya dan Pangsapuri Cendana & Cengal, Seri Serdang. Pada 7 - 9 November telah berlangsung naziran akhir bagi Pertandingan Kebun Komuniti Peringkat Lembah Klang. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut :

- a. Naib johan : Kebun Komuniti USJ 6/6M, Subang Jaya (Hadiah berupa wang tunai RM3000.00 kepada peserta)
- b. Tempat ke 5 : Kebun Komuniti Apartment Garnet, Puchong Perdana
- c. Tempat ke 8 : Kebun Komuniti Pangsapuri Cendana, Sri Serdang

Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia yang mewakili Menteri Pertanian pada 7 Disember 2016 di Laman Florikultur, MAHA 2016. Bersempena ini juga, satu lawatan ke MAHA 2016 telah diadakan pada 10 Disember 2016 melibatkan seramai 40 orang peserta-peserta Kebun Komuniti.

2.6 CADANGAN PENGURANGAN PENGGUNAAN BEG PLASTIK DAN POLISTIRENA DI KAWASAN PENTADBIRAN MPSJ

Bermula 1 Januari 2017 Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju untuk melaksanakan pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di semua premis perniagaan Negeri Selangor.

Pelaksanaannya adalah seperti berikut :

1. Semua jenis perniagaan di Negeri Selangor tidak lagi dibenarkan untuk menyediakan beg plastik secara percuma.

2. Menghentikan penggunaan bekas makanan dan peralatan polistirena di semua premis termasuk premis makanan, pasar-pasar awam, pasar pagi dan pasar malam.
3. PBT diminta meletakkan syarat larangan penyediaan beg plastik secara percuma dan larangan penggunaan polistirena dalam syarat-syarat permohonan lesen dan permit berniaga.

Arahan ini dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan MPSJ Bil 7/2016 bertarikh 16 Ogos 2016 dan disahkan dalam Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil 8/2016 bertarikh 24 Ogos 2016. Ia juga telah dijadikan syarat Lesen Perniagaan untuk semua jenis perniagaan mulai tahun 2017. Semua premis makanan dinasihatkan untuk mematuhi syarat pelesenan yang dikenakan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan.

2.7 PEMBAHARUAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN 2017

Sempena musim pembaharuan Lesen Perniagaan dan Iklan tahun 2017, MPSJ menggalakkan komuniti peniaga memperbaharui Lesen Perniagaan masing-masing secara atas talian (*online*) bagi mengelakkan kesesakan di kaunter-kaunter pembaharuan yang disediakan. Pendaftaran boleh dilakukan melalui *my@mpsj* di laman sesawang MPSJ iaitu www.mpsj.gov.my.

Kaedah ini merupakan cara terbaik selain kemudahan pembaharuan Lesen Perniagaan di Kaunter Bersepadu Ibu Pejabat MPSJ, Kaunter Cawangan di Bandar Puteri dan Kaunter Cawangan Serdang Jaya yang beroperasi pada 28 November 2016 sehingga 31 Januari 2016.

Komuniti peniaga adalah dinasihatkan untuk memperbaharui Lesen Perniagaan dan Iklan premis masing-masing sebelum tamat tempoh Lesen Perniagaan tersebut bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil.

2.8 UCAPAN KHAS Pengerusi Mesyuarat Sempena Sambutan Hari Krimas 2016

Saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut **Hari Krimas** kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Kristian yang akan disambut pada **25 Disember 2016 (Ahad)**.

Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan kita semua.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS 2016

2.9 UCAPAN KHAS Pengerusi Mesyuarat Sempena Tahun Baru 2017

Akhir kata, sebelum mengakhiri ucapan, saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja MPSJ mengucapkan Selamat Menyambut **Tahun Baru 2017** kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ. Tahun 2017 akan disambut pada 1 Januari 2017 (Ahad).

Justeru itu, untuk mengharungi tahun 2017, bersama-samalah kita menyumbangkan tenaga dan idea bagi melaksanakan inisiatif-inisiatif yang dapat menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan MPSJ. Mudah-mudahan segala usaha murni

tersebut menjadi pemangkin ke arah pencapaian MPSJ yang lebih gemilang.

SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU 2017

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 11/2016

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 11 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 30 November 2016 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 11/2016 bertarikh 9 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 9/2016 bertarikh 9 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 21/2016 bertarikh 14 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 9.1 & m/surat 127	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Cadangan Melanjutkan Tempoh Program Kelulusan Khas Tambahan/Ubahsuaian Bangunan Kediaman Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya	Beliau mencadangkan agar tempoh masa bagi Program Kelulusan Khas Tambahan / Ubahsuaian Bangunan Kediaman di kawasan MPSJ dilanjutkan kepada satu (1) tahun untuk memberi peluang kepada masyarakat menyertai program ini. <u>Maklum balas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa cadangan ini perlu dikemukakan untuk dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPSJ.

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 22/2016 bertarikh 20 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 11/2016 bertarih 15 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.1 (Perkara 3.4) & m/surat 16	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Kertas Cadangan Pengambilalihan Projek Terbengkalai Bagi Cadangan Membina Kompleks Perdagangan Mengandungi 2 Menara Pejabat 17 Tingkat Di Atas Sebahagian Lot P.T. 1097, USJ 1, Off Jalan Kewajipan, Mukim Damansara, Daerah Petaling, Selangor DE.	Beliau mencadangkan agar isu ini dikemukakan terus untuk pertimbangan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) tanpa perlu perbincangan dengan pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTG). <u>Maklum balas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa isu ini akan dibawa untuk pertimbangan MTES. Sehubungan itu, MPSJ akan membantu pihak PTG Selangor dari aspek teknikal dan tindakan selanjutnya.
2.	Para 7.2.3 & m/surat 18	Encik P.Ravi Chandaran a/l Periasamy	Memohon semakan permohonan tempat letak bas dan lori di Jalan Raya 5.	Beliau memohon supaya perkara ini dipertimbangkan segera kerana permohonan telah dikemukakan sejak tahun 2008. <u>Maklumbalas</u>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa tanah yang dipohon adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Parit dan Saliran (JPS).

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 11/2016 bertarikh 16 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 11/2016 bertarikh 19 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.4 & m/surat 18	Puan Kavitha a/p Chandragesan	Kertas Cadangan Pertandingan Zon Bersih JKP MPSJ 2017	Beliau mencadangkan agar JKP MPSJ Zon 18 menggantikan JKP MPSJ Zon 16 untuk bertanding didalam Pertandingan Zon Bersih JKP MPSJ 2017. <u>Maklum balas</u> Y.Bhg. Dato' Yang

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Dipertua dan Ahli-Ahli Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 8/2016 bertarikh 20 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 11/2016 bertarikh 20 Disember 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 13.2 & m/surat 69	Encik Mehanatan a/ Embamurthi	Kilang haram di Taman Kinrara Seksyen 7	Beliau memohon kepada pihak Majlis untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap kilang-kilang haram di Taman Kinrara Seksyen 7. <u>Maklum balas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				mengambil maklum berhubung perkara tersebut dan lawatan tapak akan diadakan bagi meninjau permasalahan sebenar ditapak.

6.0 PENUTUP

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.40 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Januari 2017** akan diadakan pada **25 Januari 2017 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S.
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Tuan Hj. Jaber bin Ami | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 8. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 9. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 10. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 11. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 12. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 13. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 14. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 15. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 16. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |

- | | | | |
|-----|---------------------------------|---|---|
| 17. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 18. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 19. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |
| 20. | Puan Wong Siew Ki | - | " |
| 21. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 3. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 4. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 5. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M., P.P.A. | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S., A.L.P.B.M., A.P.P.M.
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
8. Puan Anita binti Abd. Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
9. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
10. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
11. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan
13. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
14. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
15. Puan Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
17. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

18. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
20. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
22. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
24. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
25. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
26. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
27. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan
28. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
29. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
30. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

31. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
32. Cik Hasniza binti Husin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
35. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
36. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
37. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
38. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
39. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
40. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
41. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
42. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

44. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
45. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
46. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
47. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
48. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
49. Puan Mazlina binti Mautafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
50. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
51. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
52. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
53. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
56. Encik Aidil Ifni bin Supar
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan

57. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Puan Nurul Saadah binti A.Wahab
Penolong Pengarah Jabatan Undang-Undang
60. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB
61. Puan Nurnawwar binti Arpaaii
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
62. Cik Zamzamah binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
63. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan

URUS SETIA

1. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh - Setiausaha
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan Mesyuarat
2. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan